



KOPI PAHIT

Pak Abu (Abu Zaki Haji Faḍhil – al-Farouk) yang sudah pula ber-*title ustaz*, marah-marah apabila al-Farouk mengkritik ulama’ Indonesia, Hamka dan Musaddad. Apakah ini kerana Pak Abu sudah cium tangan Musaddad ambil berkat sebab Musaddad sudah bilang siapa yang bersalaman dengan orang yang bersalaman dengan orang yang bersalaman dengan Rasulullah terjamin syurga, sedang Musaddad adalah orang yang bersalaman dengan orang yang bersalaman dengan Rasulullah? Mā shā Allāh rupanya Pak Abu harus telah yakin yang ia tetap masuk syurga kerana ia cium tangan Musaddad? Mā shā Allāh!

* * *

Pak Abu marah apabila disebut “Kena mata dipicingkan, kena perut dikempiskan.” Apakah orang ramai tidak kenal sama Pak Abu (Abu Zaki bin Haji Faḍil – al-Farouk)? Kalau ada perkara-perkara perbalahan di dalam hal-hal agama, mana-mana perkara yang disetujuinya disiarkannya penuh-penuh – panjang-panjang tetapi mana-mana yang menjawab tidak bersetuju dengan pendapatnya – dimasukkannya bakul sampah! Orang semua tahu – Pak Abu! Apakah ini tidak dikatakan kena mata dipicingkan – kena perut dikempiskan?

* * *

Pak Abu bilang, dalam perkara Hamka “setelah tahun 1955 al-Farouk perutnya telah dikembang-kembangkan dan matanya pula dibeliakkan adakah apa-apanya?” Perkara ini bukan perkara Pak Abu tetapi perkara Hamka – kalau mau tau tanya depan-depan Pak Abu – kalau tidak ada angin masakan pokok bergoyang! Kalau diceritakan tentu Tuan Hamka jadi korban, sedang Pak Abu tentu tersepit! Tau sama tau sudahlah Pak Abu!

* * *

Pak Abu kata: Bulan lepas Hamka, bulan ini Musaddad dan bulan depan siapa pula? Rupanya Pak Abu mau tau –

bulan ini Pak Abu yang kena! Kenanya bagaimana? Ia selalu beri fatwa, mau jadi ustaz tetapi di dalam fatwa-fatwanya selalu benar mengeja nama orang dan ayat selalu salah – jadi apakah tidak ini ustaznya ustaz “*copy*”? Bukan “*original*”. Mā shā Allāh Pak Abu – bahkan Pak Abu membiarkan ruangnya berdusta, bahawa di Tanah Melayu tidak ada pun sebuah majalah agama yang bebas dan panjang umurnya – apakah Pak Abu buat? Bagaimana majalah Pengasuh dan bagaimana umur majalah Qalam? Pada hal masa itu Pak Abu lagi sapu hingus di hidung! Ia tak Pak Abu?

* * *

Pak Abu rupanya mau bela ulama’ Indonesia! Kalau dahulu apa kata mereka semuanya orang telan tetapi dunia berubah Pak Abu – orang tidak mau mendengar lagi hanya untuk mengambil berkat – kalau orang yang mendengar hendak dikebat. Apakah Pak Abu mau ambil berkat sahaja supaya dengan berkat itu sudah tetap masuk syurga, tidak payah beramal? Apakah orang-orang yang menyiarkan agama Islam itu dibiarkan mengambil upah? Apakah Pak Abu tidak tahu bahawa Tuhan menegah mengambil upah dalam menyiarkan agama? Apakah Pak Abu (“Ustaz” Abu Zaki Faḍil – al-Farouk) tidak terbaca ayat Tuhan yang mengatakan janganlah diikut kata-kata orang yang mengambil upah dalam menyiarkan agamanya? Boleh jadi juga Pak Abu tidak tahu sebab tidak mengerti kerana mengeja āyat-āyat pun tidak tahu inikan pula hendak menyiasat? Al-maklumlah Pak Abu – kan kita tahu sama tahu? Inikan dapat dibuktikan daripada apa yang tersurat – ya tak Pak Abu?

* * *

Lebih hebat lagi, Pak Abu dalam soal Syed-syed – tikam terus-terusan, hentam terus habis-habisan. Tetapi Pak Abu lupakan Malaya ada kasta-kasta lain hidup, Tenggunya ada, Itunya ada, ada banyak Pak Abu. Kenapa sebahagian sahaja dipukul, yang lain dibiarkan? Adakah perkara ini ditimbulkan sebab Yang di-Pertuan Agong daripada Syed? Apakah pakai *title* Ustaz juga tidak menimbulkan kasta, ya Pak Abu? Mengapa Pak Abu tidak tolak kalau orang panggil Ustaz Pak Abu (Abu Zaki Faḍhil – al-Farouk). Pak Abu siarkan besar-besaran perkara orang memanggil Syed-syed dengan katanya hamba

** Innā li-Allāhi wa innā ilayhi rāji‘ūn*

Dengan sedihnya diberitakan, Sayyid Abu Bakar bin Abdullah al-‘Edrūs telah kembali ke rahmat Allah

Ta‘ālā pada malam Jumaat, 5 Jāmādī al-Akhir 1380 – 24 November 1960, dalam usia kira-kira

11 tahun setelah mengidap sakit sebulan lamanya.

Jenazahnya telah selamat dikebumikan di Perkuburan Masjid Jawa Road – sebelah kubur

ibunya.

Mudah-mudahan *Allah ‘Azza wa Jalla* mengurniakan pahala kepada ibu bapanya dan mengilhamkan sabar kepada mereka dan kepada sekalian saudara dan kaum kerabatnya atas kehilangan itu.*

kita akan dapat merebut kedudukan memerintah di dalam negeri
kita sendiri. Sebab itulah kita sangat-sangat mengharap
semoga timbul perhatian yang besar mencari kerjasama
dan rundingan bagaimana kita dapat melayakkan anak-anak kita
di dalam pelajarannya.

Walau bagaimana kelonggaran yang didapat sekiranya guru-guru
tidak memerhati dan menitikberatkan usahanya dalam mengajar
kanak-kanak kita maka janganlah diharap kita akan memerintah
di negeri kita sendiri kerana pemerintah itu hendaklah
terdiri daripada orang-orang yang berilmu dan berkelayakan.

Kopi Pahit

Sambungan dari muka 2

Habib. Mengapa Pak Abu tidak mau tutup mulut orang
yang berkata “hamba Tengku, hamba Dato’, hamba dan lain-lainnya
atau yang tidak diminta orang supaya berkata begitu?

Lalu kemudian Pak Abu mau buat *title* Pak Abu al... al

apa *Wa Allahu a‘lam*. Yang ganjilnya di dalam nama ini ialah Pak ...
Abu ... Abu ertinya dari Bahasa Arab bapa – jadi
bapa ... bapa! Bapa siapa? Orang tentu mau tau
barangkali juga Pak Abu Jahalkah, Lahabkah atau
lain-lainnya *Wa Allahu a‘lam*. Mau ujungnya tanya sama Pak Abu
sendiri sebab tentu ia lebih tau, dari Melayu
bukan, dari Arab pun bukan – jadi tengah-tengah ya?
Kena mata dipicingkan, kena perut dikempiskan, ya Pak Abu?

Wa al-ḥaṣil, kalau mau berbabas di surat khabar Pak Abu,
mana-mana yang disetujuinya sahaja keluar – yang tidak
disetujuinya, apalagi yang dibencinya, masuk bakul
kirim barang lesap tetapi kalau ada apa-apanya, ya apa-apanya
Pak Abu buatlah buatlah berjela-jela inilah sifat Islam yang ada di dalam
dada Pak Abu, kalau tidak percaya hal ini, tanya sama

Cemeti al-Farouk

